

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA: 4(B)(V)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

2. *Urban Farming* adalah satu program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Sejauh manakah pelaksanaan ini telah dijalankan?
- (a) Sila senaraikan jumlah lokasi yang telah dilaksanakan.
  - (b) Berapakah jumlah tanah lapang Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan tanah Kerajaan yang telah digunakan untuk tujuan ini?
  - (c) Jumlah komuniti masyarakat yang terlibat di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam.

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melaksanakan Program *Urban Farming* atau *Community Farming* melalui Jabatan Pertanian Negeri (JPN), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Pengintegrasian aktiviti *Urban Farming* atau *Community Farming* dalam perancangan perbandaran adalah penting untuk menjadikan pembangunan yang dijalankan mampan dari segi pelbagai aspek kehidupan dan keperluan kehidupan bandar termasuk bekalan bahan makanan, penghijauan persekitaran, pengurusan air dan bahan buangan bandar, pendidikan serta riadah.

Program *Urban Farming* dilaksanakan bertujuan untuk:-

- (i) Menggalakkan penduduk setempat menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan bagi menampung keperluan harian serta mengurangkan kos sara hidup;
- (ii) Menambahkan pendapatan sampingan komuniti melalui lebihan pengeluaran hasil pertanian;
- (iii) Menyokong usaha kerajaan dalam menjamin kualiti dan sekuriti makanan negara; dan
- (iv) Memupuk kesedaran dan minat terhadap kepentingan pertanian sebagai penyumbang terus kepada kesejahteraan serta keceriaan persekitaran komuniti bandar.

(a) Sebanyak 77 lokasi Program *Urban Farming* yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui JPN, MBPP, dan MPSP dengan perincian seperti di **Lampiran A**.

(b) MBPP tidak melaksanakan Program *Urban Farming* di atas Tanah Lapang MBPP dan Tanah Lapang Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana program ini bercanggah dengan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dalam seksyen (2f) adalah seperti berikut :

“mana-mana tanah lapang sama ada dikepung atau tidak yang dikehendaki atau direzabkan untuk dikehendaki keseluruhannya atau sebahagiannya sebagai suatu taman bunga, taman awam, padang sukan dan rekreasi awam, tempat angin awam, tempat jalan kaki awam atau sebagai suatu tempat awam”.

Oleh itu, MBPP hanya terlibat memberi nasihat teknikal sahaja dalam program Program *Urban Farming* atau *Community Farming* bersama komuniti yang dilaksanakan di atas *pocket land* di sesuatu kawasan.

(c) Program *Urban Farming* atau *Community Farming* di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam

dilaksanakan di kawasan perumahan kos rendah dan tapak penjaja Kampung Bharu, Air Itam melibatkan komuniti di bawah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Bharu.